



LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG

DOKUMEN SEBUT HARGA

No. Sebut Harga: LPNPP/33/2021

TAJUK :

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF KAUNTER PEJABAT
RANCANGAN PERUMAHAN TAMAN TUN DR AWANG SERTA
KERJA-KERJA BERKAITAN, BUTTERWORTH, SPU**

TARIKH TUTUP:

22 JULAI 2021

URUSETIA

**BAHAGIAN TEKNIKAL
LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG**

TAJUK : **KERJA-KERJA MENAIKTARAF KAUNTER
PEJABAT RANCANGAN PERUMAHAN TAMAN
TUN DR AWANG SERTA KERJA-KERJA
BERKAITAN, BUTTERWORTH, SPU**

NO. SEBUTHARGA : **LPNPPP/33/2021**

Arahan-Arahan Kepada Penyebut Harga :

Sila ambil perhatian bersama-sama ini dilampirkan arahan-arahan berikut:-

- Lampiran A : Senarai Semakan
- Lampiran B : Kenyataan Tawaran Sebut Harga
- Lampiran C : Arahan Kepada Penyebut Harga
- Lampiran D : Syarat-syarat Sebut Harga
- Lampiran E : Borang Sebut Harga Kerja
- Lampiran F : Ringkasan Sebut Harga Kerja
- Lampiran G : Senarai Kerja Dalam Tangan
- Lampiran H : Senarai Kerja Yang Telah Disiapkan
- Lampiran I : Surat Akuan Pembida
(SAP 10Tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010)
- Lampiran J : Surat Akuan Pembida Berjaya
(SAP 10Tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010)

SENARAI SEMAK

NO. SEBUTHARGA : LPNPP/33/2021

KERJA-KERJA MENAIKTARAF KAUNTER PEJABAT RANCANGAN PERUMAHAN
TAMAN TUN DR AWANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, BUTTERWORTH, SPUSila Tandakan / Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	Borang Sebut Harga. (Lampiran E)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Ringkasan Sebut Harga. (Lampiran F)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (STB)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Salinan Penyata Akaun Bank Syarikat bagi Bulan April 2021, Mei 2021 & Jun 2021.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan didalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:.....
(Cop Nama & Jawatan)

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).

Tandatangan:
.....
(Cop Nama & Jawatan)

Tarikh:

Tandatangan:
.....
(Cop Nama & Jawatan)

Tarikh:

LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang **berdaftar** dengan **Sijil Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Pulau Pinang di daerah SPU** dalam kod bidang seperti dinyatakan di bawah yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut :

NO. SEBUTHARGA	TAJUK	KOD BIDANG	TEMPOH PEMBUKAAN SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP
LPNPP/33/2021	Kerja-kerja Menaiktaraf Kaunter Pejabat Rancangan Perumahan Taman Tun Dr Awang Serta Kerja-kerja Berkaitan, Butterworth, SPU	G1, Kategori B & CE Pengkhususan B04 & CE21	8 Julai 2021 hingga 22 Julai 2021	8 Julai 2021 12.00 Tengah Hari

- Syarikat adalah tidak diwajibkan menghadiri taklimat atau lawatan tapak. Sekiranya kontraktor hendak melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan fizikal serta penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah **WAJIB** diamalkan serta mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuatkuasa.
- Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun di Portal Rasmi Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) <https://erumah.penang.gov.my/> bermula pada 15 Julai 2021 (Khamis).
- Cadangan Tawaran yang lengkap berserta maklumat pengalaman dan sesalinan dokumen seperti senarai semak hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan Tajuk dan No. Sebut Harga di sebelah kiri atas sampul surat. Cadangan Tawaran tersebut perlu dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di **Kaunter Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 3 KOMTAR sebelum jam 12.00 Tengahari pada 22 Julai 2021 (Khamis)** atau dihantar melalui **pos berdaftar/kurier**.
- Jika tender/sebutharga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat **Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, Paras 20, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10503 Pulau Pinang** sebelum atau pada **22 Julai 2021 (Khamis)** selewat-lewatnya pada pukul **12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
- Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) juga berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
- Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan

Pengurus Besar
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1.0 HAK LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah, tertinggi atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

- 1.1 Tawaran hanya dibuka kepada syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam kod bidang seperti berikut:

GRES G1, KATEGORI B, PENGKHUSUSAN B04 (Bangunan Am & Penyenggaraan), KATEGORI CE, PENGKHUSUSAN CE21 (Kerja Am Kejuruteraan Awam)

- 1.2 Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang masih sah tempoh lakunya hendaklah dilampirkan bersama-sama dengan Borang Sebut Harga.
- 1.3 Salinan Inden/Surat Tawaran/Pesanan Tempatan **WAJIB** disertakan sebagai bukti bagi pengalaman kerja yang berkaitan seperti dinyatakan oleh Penyebut Harga.
- 1.4 Satu (1) Penyebut Harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan dan secara automatik sebut harga yang ditawarkan terbatal.

2.0 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- 2.1.1 Harga dan tandatangan Penyebut Harga di Ringkasan Sebut Harga,
- 2.1.2 Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- 2.1.3 Senarai Kerja Dalam Tangan,
- 2.1.4 Senarai Pengalaman Kerja (seperti para 1.3)
- 2.1.5 Jadual Kadar Harga (jika ada),
- 2.1.6 Butir-butir Spesifikasi (jika ada),
- 2.1.7 Surat Akuan Pembida,

- 2.1.8 Maklumat kemampuan kewangan dalam bentuk Penyata Akaun Bank untuk 3 bulan yang terakhir, Deposit Tetap, baki nilai Kemudahan Kredit dan nilai Kemudahan Kredit yang layak/akan diperolehi oleh Penyebut Harga daripada Institusi Kewangan. Menyertakan salinan Penyata Kewangan Bank yang diiktiraf di Malaysia dari bulan **April 2021, Mei 2021 dan Jun 2021**.
- 2.1.9 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.
- 2.1.10 Kegagalan mengisi/menandatangani Borang Sebut Harga akan mengakibatkan Sebut Harga ditolak.
- 2.1.11 Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga dan Borang Sebut Harga, maklumat di dalam Borang Sebut Harga diberi keutamaan.
- 2.1.12 Sekiranya Dokumen Sebut Harga disediakan dalam bentuk softcopy (berbentuk CD), Penyebut Harga hendaklah mengemukakan Dokumen Sebut Harga dalam bentuk softcopy dan hardcopy. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat antara softcopy dan hardcopy, Dokumen dalam hardcopy hendaklah digunapakai.
- 2.1.13 Sekiranya Penyebut Harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, Sebut Harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

2.2 'Integrity Pact'

- 2.2.1 Penyebut Harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di **Lampiran I** di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.
- 2.2.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebut Harga.
- 2.2.3 Penyebut Harga yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di **Lampiran J** beserta dengan Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

2.3 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

2.3.1 Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga **LPNPP/33/2021** serta tajuk Sebut Harga. Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

2.3.2 Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut secara pos berdaftar supaya tiba pada atau sebelum 12.00 Tengah Hari dan di tempat yang ditetapkan seperti berikut:

Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 20, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

2.3.3 Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, atas sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut Harga boleh menghubungi pejabat yang menjual Dokumen Sebut Harga untuk penjelasan lanjut.

3.0 TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **12** minggu seperti yang telah ditetapkan.

4.0 PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

5.0 TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

Sebut Harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah laku Sebut Harga. Laporan mengenai penarikan balik Sebut Harga oleh Penyebut Harga akan dikemukakan kepada CIDB/BPKU untuk tindakan.

6.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para Penyebut Harga diberi peringatan berikut:

6.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 6.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.4 Mana-mana Kontraktor yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1.0 PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebut Harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2.0 RINGKASAN SEBUT HARGA

2.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

2.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, levi, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sepenuhnya.

2.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebut Harga atau dalam tempoh Kerja.

2.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga (jika perlu) hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

2.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 2.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan perkiraan dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

3.0. POLISI INSURANS

3.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dengan nilai minimum RM bagi setiap kemalangan bagi tempoh pelaksanaan Kerja termasuk tempoh kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

- 3.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua Polisi Insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.

4.0 PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

- 4.1 Kerja-kkerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, Pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini serta arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

- 4.2 Kerja-kkerja mekanikal dan elektrik yang dilaksanakan hendaklah mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh Suruhanjaya/Jabatan/Pihak Berkuasa antara lainnya seperti berikut:

- 4.2.1 Suruhanjaya Tenaga
- 4.2.2 Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP)
- 4.2.3 Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- 4.2.4 Jabatan Bomba dan Penyelamat
- 4.2.5 Pihak Berkuasa Tempatan
- 4.2.6 Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN)

5.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja boleh dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

6.0 SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

7.0 PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 7.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kkerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 7.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

- 7.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam Spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

8.0 PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Borang Perjanjian Inden Kerja, Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh Kontraktor dan Dokumen Sebut Harga hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Kontrak ini.
- 8.2 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan dan maksud itu boleh difahamkan dengan munasabahnya dari dokumen Sebut Harga itu.
- 8.3 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, Kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

- 9.1 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:
- 9.1.1 Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
 - 9.1.2 Kemajuan Kerja terlalu lembab di mana Kontraktor didapati gagal menjalankan kerja dengan tekun dan teratur tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
 - 9.1.3 Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
 - 9.1.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah.
- 9.2 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10.0 BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11.0 KERJA PERUBAHAN

- 11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan Sebut Harga ini.
- 11.2 Sebarang kerja perubahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan Kontraktor hendaklah digunakan.

12.0 PENGUKURAN KUANTITI SEMENTARA

Setelah kerja-kerja yang melibatkan Kuantiti Sementara disiapkan di tapak, pengukuran semula kuantiti hendaklah dibuat secara bersama.

13.0 PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan sejajar dengan syarat-syarat dalam Dokumen Sebut Harga. Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula daripada tarikh siap kerja.

14.0 TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

- 14.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Sebut Harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakuan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas peralatan dan sistem adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 14.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati Sebut Harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 14.3 Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor (sekiranya pembaikan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang) atau, jika baki itu tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan, Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Kanan Cawangan Kerja Elektrik/ Pengarah Kanan Cawangan Kerja Mekanikal.

15.0 PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya boleh dibuat setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Walau bagaimanapun, Pegawai Inden hendaklah membuat potongan atau menahan sejumlah amaun dari wang yang akan dibayar kepada Kontraktor sebagai kos untuk memperbaiki apa-apa kecacatan yang tidak dapat dibaiki oleh Kontraktor di dalam tempoh tanggungan kecacatan.

16.0 PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja Kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

17.0 PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan Syarat-syarat ini.

18.0 PENAMATAN BERSABIT RASUAH, AKTIVITI MENYALAHU UNDANG-UNDANG ATAU AKTIVITI HARAM

- 18.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang yang lain, jika kontraktor, personel, kakitangan atau pekerjanya disabitkan bersalah oleh mahkamah kerana rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau aktiviti haram yang berkait dengan Perjanjian/ Kontrak ini atau mana-mana perjanjian lain yang Kontraktor mungkin ada dengan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang berhak untuk menamatkan Perjanjian / Kontrak ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan segera yang membawa maksud sedemikian kepada Kontraktor.
- 18.2 Setelah penamatan tersebut, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang yang timbul daripada penamatan tersebut.
- 18.3 Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang dan Kontraktor bersetuju bahawa Kontraktor tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatan Kontrak ini.

BORANG SEBUT HARGA KERJA
Sebut Harga Bil : LPNPP/33/2021

LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 20, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

Tuan,

Sebut harga untuk :-

KERJA-KERJA MENAIKTARAF KAUNTER PEJABAT RANCANGAN PERUMAHAN
TAMAN TUN DR AWANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, BUTTERWORTH, SPU

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut harga, Syarat-syarat Sebut Harga Harga untuk Kerja, Spesifikasi Kerja dan Lukisan, saya bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan Kerja tersebut bagi jumlah harga pukat sebanyak Ringgit Malaysia:

.....
.....(RM.....)

2. Saya bersetuju menyiapkan Kerja ini dalam masa **12** minggu dari tarikh mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 2 Borang Perjanjian Inden Kerja.

Bertarikh padaharibulan.....20

.....
(Tandatangan Kontraktor)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :

Nama Penuh :

No. Kp :

No. Kp :

Alamat :

Alamat :

Atas Sifat :

.....
(Cop Kontraktor)

RINGKASAN SEBUT HARGA KERJA

SEBUT HARGA Bil : LPNPP/33/2021

KERJA-KERJA MENAIKTARAF KAUNTER PEJABAT RANCANGAN PERUMAHAN
TAMAN TUN DR AWANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, BUTTERWORTH, SPU

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
	<u>SEMUA KUANTITI ADALAH SEMENTARA</u>				
1.00	<u>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM (PRELIMINARIES)</u>				
1.01	Obligasi Statutori	L/S			
1.02	Fomen Dan Pembantu-pembantu				
1.03	Insuran Kerja				
1.04	Bon Pelaksanaan Dalam Bentuk Jaminan Bank/Insuran/Syarikat Kewangan				
1.05	Insuran Terhadap Kecederaan Diri Dan Kerosakan Kepada Harta				
1.06	Insuran Pampasan Kerja				
1.07	Skim Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Perkeso)				
1.08	Menyediakan laporan kemajuan bergambar dalam beberapa peringkat iaitu sebelum kerja bermula, semasa kerja bermula dan setelah siap kerja dalam bentuk softcopy dan 'hardcopy' sebanyak dua (2) salinan	L/S			
1.09	Mengemas dan membersihkan tapak bina setelah kerja siap dijalankan termasuk membaikpulih utiliti sediaada dan kerja-kerja lain yang berkaitan.	L/S			

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
2.00	<u>KERJA-KERJA MEMBINA RUANG KERJA</u>				
2.00	Kerja-kerja menanggalkan tingkap sedia ada yang akan digantikan dinding bata	L/S			
2.01	Kerja-kerja membina dinding ruang pejabat dengan mengikat bata serta kerja-kerja melepai dinding muka baru di kedua-dua permukaan serta kerja yang berkaitan	M2	30		
2.02	Kerja-kerja pembinaan sesekat kepingan gypsum berkerangka/berbingkai aluminium yang terdiri dari bahagian atas, bawah, dan berlebas dari keluli tertekan tergalvani, dibalut kedua belah dengan 12 mm kepingan gypsum termasuk penutup yang diperlukan dan kerja-kerja berkaitan, dipasang mengikut arahan Pegawai Penguasa.	M2	20		
2.03	Kerja-kerja menanggal sinki sedia ada dan perpaipan dibahagian tempat wuduk perempuan	L/S			
2.04	Kerja-kerja membekal dan memasang tapak dan dinding tempat wuduk wanita serta kerja berkaitan termasuk perpaipan mengikut arahan pegawai penguasa	L/S			
3.00	<u>KERJA-KERJA PEMASANGAN PINTU & TINGKAP</u>				
3.01	Kerja membekal dan memasang pintu kaca (1 daun) dari jenis tempered dipasang frosted sticker (mengikut piawaian pengeluar termasuk alat pengunci jenis hiasan dari cast alloy dengan pemegang dan bol mati serta semua keperluan yang perlu mengikut penentuan pembuat dan kerja-kerja berkaitan mengikut arahan pegawai penguasa untuk ruang masuk pejabat	NO	1		

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
3.02	Kerja-kerja menanggal pintu lama, membekal dan memasang pintu kaca (1 daun) dari jenis berkerangka aluminium dipasang frosted sticker (mengikut piawaian pengeluar termasuk alat pengunci jenis hiasan dari cast alloy dengan pemegang dan bol mati serta semua keperluan yang perlu mengikut penentuan pembuat dan kerja-kerja berkaitan mengikut arahan pegawai penguasa untuk ruang masuk pintu utama pejabat	NO	1		
3.03	Menanggal pintu tandas sedia ada, membekal dan memasang pintu tandas jenis folding door aluminium termasuk engsel dan bolt penunjuk serta dipasang pada bingkai (saiz 675mm lebar x 2000mm tinggi)	NO	2		
4.00	<u>KERJA-KERJA PEMASANGAN KELENGKAPAN PEJABAT</u>				
4.01	Kerja-kerja membekal dan memasang 'Door Access System' pada pintu masuk pejabat lengkap dengan access reader, lock magnet, RFID cards (15nos), remote control, 12v DC adapter dan push button dari jenis Micro Engine atau setara dengannya serta lain-lain kerja berkaitan	SET	1		
4.02	Membekal dan memasang papan tanda acrylic "PEJABAT RANCANGAN PERUMAHAN TAMAN TUN DR AWANG" beserta logo LPNPP berketebalan 4mm serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa	NO	1		
4.03	Membekal dan memasang papan tanda acrylic saiz tulisan 54, ARIAL serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa 1) KAUNTER PERTANYAAN	NO	1		
4.04	Kerja-kerja membekal dan memasang kaunter bayaran jenis melamine + MDF light oak berukuran berkaca dan jeriji keselamatan serta 'fixed pedestal' dan dipasang serta kerja yang berkaitan	SET	1		

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
	mengikut arahan Pegawai Penguasa serta lain-lain kerja berkaitan				
4.05	Kerja membekal dan memasang tempat duduk di ruang kaunter jenis Seater Stainless Steel with cushion' berukuran serta kerja berkaitan	NO	2		
5.0	<u>KERJA-KERJA MENGECAT</u>				
5.01	Kerja-kerja kikis cat kapur lama, distemper lama dan sebagainya dari permukaan berlepa, basuh dan mengecat keseluruhan dinding (dalam) dengan 1 lapisan cat asas dan 2 lapisan cat emulsi	M2	300		
6.0	<u>KERJA-KERJA ELEKTRIK</u>				
6.01	Kerja membekal dan memasang mata penyaman udara sehingga 1.5HP lengkap dengan soket alur keluar 20A, suis dua kutub 30A dengan lampu penunjuk dan plat dakapan berperisai logam untuk jarak yang diantara 15m hingga 30m daripada peti agihan yang berkenaan menggunakan kabel 2 x 6mm persegi l/d kabel perlindungan termasuk kelengkapan pemasangan dan kerja-kerja berkaitan (mengikut arahan pegawai penguasa)	NO	1		
6.02	Kerja membekal dan memasang penyaman udara dari jenis Daikin 1.5HP Inverter Air Cond atau setara dengannya termasuk kelengkapan pemasangan dan kerja-kerja berkaitan (mengikut arahan pegawai penguasa)	NO	1		
6.03	Kerja mengganti, membekal dan memasang lampu 'downlight' jenis LED 12 watt bulb termasuk kelengkapan pemasangan dan kerja-kerja berkaitan mengikut arahan pegawai penguasa	NO	30		
6.04	Kerja membekal dan memasang mata kipas lekapan dinding lengkap dengan suis, ros siling menggunakan kabel 2 x 1.5mm persegi lengkap dengan kabel perlindungan serta kerja-kerja berkaitan	NO	1		

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
6.05	Kerja membekal dan memasang kipas lekapan dinding, 400mm (16") g.p serta kerja-kerja berkaitan	NO	1		
6.06	Membekal dan memasang mata soket alur keluar kuasa lengkap dengan suis soket alur keluar 13A menggunakan kabel 2x2.5mm persegi l/d kabel perlindungan	NO	4		
7.00	<u>KERJA-KERJA LUAR JANGKA</u>				
7.01	Sediakan wang peruntukan sementara sebanyak Lima Ribu Sahaja untuk kerja luar jangka	L/S			5,000.00
Jumlah Keseluruhan					

LAMPIRAN F

RINGKASAN SEBUT HARGA KERJA

SEBUT HARGA BIL : LPNPP/33/2021

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF KAUNTER PEJABAT RANCANGAN PERUMAHAN
TAMAN TUN DR AWANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, BUTTERWORTH, SPU**

Dalam perkataan :

.....
(Ringgit Malaysia)

Tempoh Siap Kerja : **12 Minggu**

Catatan : Jika terdapat butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk didalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran hendaklah disifatkan telah dimasukkan kedalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
(Tandatangan Kontraktor)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :

Nama Penuh :

No. K/P :

No. K/P :

Alamat :

Alamat :

No. Tel :

No. Tel :

Tarikh :

Tarikh :

SENARAI KERJA DALAM TANGAN

Nama Projek/Kerja	Jabatan/Agensi yang Mengawasi Projek	Harga	Tarikh Mula	Tarikh Siap

SENARAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN

Nama Projek/Kerja	Jabatan/Agensi yang Mengawasi Projek	Harga	Tarikh Mula	Tarikh Siap Sebenar

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

“KERJA-KERJA MENAIKTARAF KAUNTER PEJABAT RANCANGAN PERUMAHAN TAMAN TUN DR AWANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, BUTTERWORTH, SPU”

No.Sebut harga: LPNPP/33/2021

Saya,..... Nombor K.P..... yang
memiliki syarikat.....nombor
Pendaftaran Syarikatdengan ini mengisytiharkan

bahawa saya memiliki syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam ~~tender~~/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang berhak mengambil tindakan-tindakan berikut:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga yang ditandatangani tanpa bayaran ganti rugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam ~~tender~~/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....)
(Nama:
No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

**“KERJA-KERJA MENAIKTARAF KAUNTER PEJABAT RANCANGAN PERUMAHAN
TAMAN TUN DR AWANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, BUTTERWORTH,
SPU”**

No.Sebut harga: LPNPP/33/2021

Saya,..... Nombor K.P..... yang
memiliki syarikat..... nombor
Pendaftaran Syarikatdengan ini mengisytiharkan

bahawa saya memiliki syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-
mana individu dalam **Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana
individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Lembaga
Perumahan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran
mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat
bersetuju bahawa Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang berhak mengambil tindakan-
tindakan berikut:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga yang ditandatangani tanpa bayaran
ganti rugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau
menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Lembaga Perumahan
Negeri Pulau Pinang.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan
tender/sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama:)
No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.